

## **Analisis aspek kesihatan reproduktif dan seksualiti dalam al-Quran**

Dini Farhana Baharudin (*Corresponding author*)

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: 019-6606662 E-Mail: [dini@usim.edu.my](mailto:dini@usim.edu.my)

Melati Sumari

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 012-2502244 E-Mail: [melati@um.edu.my](mailto:melati@um.edu.my)

Suhailiza Md Hamdani

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: 017-6543071 E-Mail: [suhailiza@usim.edu.my](mailto:suhailiza@usim.edu.my)

Nur Amalina Mat Laziz

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: 017-9376804 E-Mail: [minalaziz2594@gmail.com](mailto:minalaziz2594@gmail.com)

### **Abstrak**

Kesihatan reproduktif dan seksualiti adalah penting dalam kehidupan seseorang individu. Pendidikan tentang kesihatan reproduktif dan seksualiti yang berkesan dapat membantu mengurangkan gejala sosial seperti zina, hamil luar nikah, pembuangan bayi, dan seks songsang (LGBT) dalam kalangan orang Islam. Kurang kefahaman dan stigma dalam kalangan masyarakat membawa kepada kesukaran berbincang tentang isu kesihatan reproduktif dan seksualiti ini. Sebaliknya, Al-Quran telah memaparkan ayat-ayat berkaitan aspek reproduktif dan seksualiti ini dan menunjukkan pengiktirafan terhadap fitrah kejadian manusia yang berkeperluan kepada pasangan. Kertas ini bertujuan untuk mengenalpasti tema-tema aspek reproduktif dan seksualiti dalam Al-Quran, di samping menganalisis ayat-ayat tersebut secara ringkas. Kaedah analisis dokumen digunakan iaitu daripada Al-Quran sendiri, tafsir dan sumber-sumber kajian kepustakaan. Hasil kajian mendapati terdapat kepelbagaian sub-tema tentang aspek reproduktif dan seksualiti yang dinyatakan dalam Al-Quran. Tema terhasil adalah selari dengan perkembangan manusia dalam kitaran kehidupannya. Tema-tema ini dapat menjadi panduan untuk pendidikan kesihatan reproduktif dan seksualiti individu Muslim.

**Kata kunci:** Al-Quran, kesihatan reproduktif, seksualiti, pendidikan, Muslim

## **Pengenalan**

Kepentingan kesihatan reproduktif dan seksualiti dalam kehidupan seseorang individu tidak dapat disangkal. Antara manfaat pendidikan tentang kesihatan reproduktif dan seksualiti ialah dapat membantu mengurangkan gejala sosial yang wujud dalam masyarakat antaranya zina, hamil luar nikah, pembuangan bayi, dan seks songsang (LGBT), khasnya dalam kalangan orang Islam. Kesukaran untuk perbincangan tentang isu kesihatan reproduktif dan seksualiti ini dalam kalangan masyarakat adalah disebabkan oleh kefahaman yang cetek dan stigma.

Kesihatan reproduktif dan seksualiti merujuk kepada aspek-aspek seperti kesejahteraan fizikal, mental, dan sosial yang berkaitan dengan seksualiti seseorang<sup>1249</sup>. Abdullah Nasih Ulwan mendefinisikan pendidikan seksualiti sebagai mengajar, menjelaskan, dan memberi peringatan kepada anak-anak tentang isu-isu yang berkaitan dengan seks, naluri/syahwat, dan perkahwinan sehingga mereka membesar dalam keadaan yang memahami erti kehidupan<sup>1250</sup>. Mereka tahu apa yang dibenarkan dan yang dilarang serta mempraktikkan Islam dalam kehidupan.

Dalam kalangan masyarakat Islam, terdapat sebahagian golongan yang masih tertutup untuk membincangkan tentang kesihatan reproduktif dan seksualiti. Seseengah ibubapa misalnya, masih berpendapat bercakap tentangnya adalah tidak wajar dibincangkan (*taboo*) dan takut ia berkemungkinan menyebabkan hilang jati diri dan sifat malu serta pelbagai alasan lain. Di seseengah tempat pula, maklumat tentang kesihatan reproduktif dan seksualiti ini akan dikongsikan sejurus sebelum pasangan berkahwin. Namun, walaupun situasi sudah berbeza pada masa sekarang, masih ada lagi keraguan dalam pemikiran ibu bapa dan anak muda tentang penyampaian maklumat berkaitan kesihatan reproduktif dan seksualiti ini<sup>1251</sup>.

Terdapat banyak faktor yang menyebabkan ibu bapa tidak membincangkan tentang isu seksualiti dan kesihatan reproduktif dengan anak mereka. Faktor utama adalah pengaruh budaya dan tradisi. Ibu bapa sendiri dibesarkan dalam keadaan kurang pengetahuan atau jahil tentang isu-isu seksualiti dan kesihatan reproduktif menimbulkan keraguan untuk mereka membincangkan topik ini dengan anak-anak. Hal ini menyebabkan anak-anak tertanya-tanya tentang aspek ini dan akhirnya merujuk kepada sumber-sumber yang mungkin tidak boleh dipercayai dan diingini. Antara sumber-sumber tersebut misalnya daripada rakan sebaya, Internet, televisyen, dan sebagainya.

Dalam konteks ini, kebanyakan anak muda tidak menyedari kepentingan pengetahuan seksual, menyebabkan kurang hormat dan kurang mengambil kisah tentang perlindungan tubuh badan dan kesihatan fizikal mereka sendiri. Ini terbukti dengan gejala sosial yang melibatkan isu-isu seksual. Semasa usia remaja, seringkali tekanan untuk menyesuaikan diri dan menjadi sama seperti rakan remaja yang lain adalah amat besar. Tekanan rakan sebaya memaksa mereka untuk mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti yang tidak selari dengan ruh Islam, termasuk

---

<sup>1249</sup> Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). (2023). Definitions. [https://www.who.int/health-topics/sexual-health#tab=tab\\_2](https://www.who.int/health-topics/sexual-health#tab=tab_2)

<sup>1250</sup> Abdullah Nasih Ulwan & Mohd Ikhwan Abdullah (2016) *Tarbiyatul Aulad*. Kuala Lumpur: PTS Publishing House

<sup>1251</sup> Tan, A.J. & Gun, C.H. (2018). Let's talk about sex: Family communication predicting sexual attitude, sexual experience, and safe sex behaviors in Malaysia. *International Journal of Sexual Health*, 30(2), 149-161.

penglibatan dalam tingkah laku seksual di luar batasan pernikahan. Begitu juga, bagi sesetengah anak muda, apabila mereka berhijrah ke bandar dari luar bandar untuk menyambung pelajaran atau bekerja, mereka mungkin mengalami kejutan budaya. Kebebasan daripada lingkungan keluarga boleh menyebabkan mereka terpengaruh dan membuat perkara-perkara yang bertentangan dengan norma dan nilai keluarga dan agama<sup>1252</sup>.

Program-program komuniti tentang isu-isu kekeluargaan juga kurang menyentuh aspek kesihatan reproduktif dan seksualiti<sup>1253</sup>. Maklumat tentang hak dan tanggungjawab pasangan berkahwin kurang ditekankan menyebabkan anak muda kurang menghargai kasih sayang yang patut dikecapi dalam kehidupan rumahtangga. Dalam masa yang singkat selepas berkahwin, pasangan merasakan mereka tidak bersefahaman. Maka, konflik yang timbul akibat perbezaan mereka berakhir dengan ketidakharmonian rumahtangga, perpisahan, atau perceraian. Statistik perceraian pasangan Muslim yang meningkat berpunca daripada konflik yang sama, termasuk kurang pengetahuan tentang seksualiti, perkahwinan, dan perkara-perkara berkaitan.

Islam adalah agama yang syumul dan sesuai sepanjang zaman dan Al-Quran sebagai panduan hidup adalah amat lengkap. Diskusi tentang hal berkenaan topik kesihatan reproduktif dan seksualiti ini secara jelas dalam Al-Quran menunjukkan pengiktirafan terhadap fitrah kejadian manusia yang dijadikan berpasang-pasangan. Kertas ini bertujuan meneroka dan mengenalpasti aspek-aspek berkaitan reproduktif dan seksualiti berdasarkan ayat-ayat dalam al-Quran.

### **Ciri-ciri Pendidikan Reproduktif dan Seksualiti dalam Islam**

Islam telah menyediakan panduan yang mencukupi bagi mendapatkan rahmat daripada Allah. Ini termasuk dalam aspek kesihatan reproduktif dan seksualiti. Jika manusia menurut apa yang disediakan dalam panduan dalam Al-Quran dan Sunnah, seksualiti merupakan sumber kepada kepuasan emosi, keseronokan, dan penerusan generasi akan datang yang akhirnya membantu menghasilkan, mengekalkan, dan meningkatkan populasi ummah yang sihat dan sejahtera.

Salah satu ciri pendidikan reproduktif dan seksualiti dalam Islam ialah topik seksualiti dibincangkan sebagai satu topik yang serius, bukan hanya untuk keseronokan semata-mata. Ia selalunya dikaitkan dengan kehidupan berumahtangga sebagai hubungan manusia peringkat tinggi yang bertujuan membentuk sayang (*mawaddah*), kasih (*rahmah*), dan ketenangan (*sakeenah*) dalam kalangan pasangan bagi mewujudkan kehidupan berkeluarga yang sejahtera (Surah ar-Rum, 30: 21).

Sebagai tambahan, Abdullah Yusuf Ali dalam huraianya terhadap ayat 189, Surah al-A'raaf menyatakan, "Seks terkait dengan aspek kehidupan fizikal manusia dan amat mempengaruhi

---

<sup>1252</sup> Hilwa Abdullah & Khuldiah Iman Mohd. Ghazali. (2020). Tahap Kebimbangan dan Cinta Berahi mendorong Ketagihan Seks Dalam Kalangan Mahasiswa Lelaki di Lembah Klang, Malaysia. (ms.89-100). Dalam *Seksualiti Manusia*. (Pnyt. Hatta Sidi, Mohamed Hatta Shaharom, Kucky Saputra). Kuala Lumpur: Penerbit UKM.

<sup>1253</sup> Muhammad, N.A., Tohid, H., Omar, K., Mohd. Amin, R., & Shamsuddin, K. (2017). Gender differences in the influence of family interaction and parenting behaviors on youth sexual intention. *Social Sciences*, 6, 105-120.

emosi dan fitrah kejadian, tidak layak untuk dianggap ketakutan, atau penghinaan, atau keseronokan, tetapi ia memerlukan penghormatan yang tinggi.”

Begitu juga satu ciri lain yang penting ialah yang mana seks merupakan hal urusan peribadi antara pasangan dan tidak patut didedahkan ke luar tentang hubungan tersebut. Ia melibatkan pemeliharaan maruah yang merupakan salah satu daripada maqasid syariah. Islam mementingkan penjagaan maruah dan kehormatan diri kerana Allah sendiri memuliakan manusia.

Sepertimana panduan tentang perkara-perkara lain dalam Al-Quran, dan perkataan serta perbuatan yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW tidak mengkhusus kepada usia tertentu mahupun tertakluk kepada perubahan oleh sesiapa pun termasuk mana-mana autoriti, dan tidak berat sebelah daripada sudut warna kulit, kepercayaan, mahupun jantina. Ini menunjukkan aspek berkaitan reproduktif dan seksualiti ini merupakan sesuatu yang berterusan sepanjang hayat, melibatkan setiap peringkat perkembangan manusia dalam kitaran kehidupan mereka<sup>1254</sup>.

### **Alasan berkaitan Perbincangan Aspek Reproduktif dan Seksualiti dalam Al-Quran**

Sebelum mengupas topik-topik pendidikan reproduktif dan seksualiti yang dibincangkan dalam Al-Quran, adalah penting untuk menjawab mengapa Al-Quran mengemukakan pelbagai aspek yang berbeza tentang reproduksi dan seksualiti manusia dengan meluas. Hakikatnya, Al-Quran bukanlah buku tentang fisiologi kesihatan reproduktif mahupun buku yang membincangkan topik tertentu. Namun, terdapat ayat-ayat dalam Al-Quran yang merujuk tentang penciptaan Nabi Adam dan Hawa, penciptaan alam semesta, penciptaan lautan dan gunung-ganang, dan sebagainya. Al-Quran juga tidak sunyi daripada membincangkan tentang aspek-aspek kehidupan manusia lainnya, termasuk politik dan sosial. Matlamat utama Al-Quran bukan untuk mengajar tentang sains atau subjek-subjek yang lain tetapi untuk menyedarkan manusia bahawa hanya ada satu Pencipta yakni Allah, yang telah menghantar utusan-Nya para rasul dan nabi untuk menjadi model atau contoh teladan yang menunjukkan sendiri amalan ajaran-ajaran tersebut dalam kehidupan sehari-hari. Sebagai khalifah Allah, manusia bertanggungjawab untuk menegakkan perintah Allah di muka bumi.

Dengan membincangkan aspek reproduktif dan seksualiti sama sepertimana membincangkan aspek sosial dan politik, Al-Quran menjemput umat manusia untuk merefleksi dan menghayati proses penciptaan mereka dan menimbulkan kesedaran tentang tanggungjawab mereka untuk menyembah dan mentaati Allah Yang Maha Pencipta. Oleh yang demikian, ia amat rapat dengan akidah dan kepercayaan terhadap Allah dan rukun-rukun iman yang lain<sup>1255</sup>.

Baru kini dengan perkembangan sains dan teknologi, maklumat dan panduan yang telah diberikan oleh Al-Quran tentang aspek reproduktif dan seksualiti manusia ditemui oleh para saintis. Ternyata aspek-aspek ini telahpun dibincangkan dalam ayat-ayat Al-Quran dalam

---

<sup>1254</sup> Muhammad Zahiri Awang Mat. (2010). Konsep dan Objektif Pendidikan Seks Menurut Perspektif Al-Quran. (ms. 85-98) Dalam Pendidikan Seksual. Abd. Rahim Abd. Rashid. Kuala Lumpur: Utusan Publications.  
<sup>1255</sup>

pelbagai konteks misalnya gambaran tentang peringkat-peringkat dalam reproduksi manusia tanpa sebarang percanggahan. Penerangan yang dijelaskan oleh Al-Quran adalah dalam bentuk yang mudah difahami dan selari dengan apa yang ditemui kemudiannya<sup>1256</sup>.

## Metodologi

Kajian ini bertujuan mengenalpasti aspek reproduktif dan seksualiti dalam ayat-ayat al-Quran. Ia menggunakan pendekatan kajian Al-Quran bagi meneroka kepelbagaian aspek reproduktif dan seksualiti yang ada dalam ayat-ayat Al-Quran itu bagi menjadi panduan dalam perjalanan kehidupan seseorang manusia. Sumber daripada ayat-ayat Al-Quran sendiri dan sumber-sumber kajian kepustakaan dianalisis.

Prosedur analisis dokumen<sup>1257</sup> dimulakan dengan mengenalpasti ayat-ayat Al-Quran yang berkaitan dengan aspek reproduktif dan seksualiti dengan melihat kepada ayat yang menyatakan tentangnya secara langsung atau tidak menggunakan aplikasi Al-Quran Bahasa Inggeris<sup>8</sup>. Antara perkataan yang digunakan semasa carian termasuk '*creation*', '*marriage*', '*sexes*', dan '*sexual relations*'.

Ayat-ayat kemudiannya disusun mengikut waktu penurunannya, yakni ayat-ayat Makkiyyah dan Madaniyyah. Seterusnya, rujukan dibuat dalam kitab-kitab tafsir untuk lebih memahami dengan terperinci ayat-ayat tersebut. Rujukan sumber kepustakaan yang lain juga dibuat.

Akhir sekali, ayat-ayat yang dikaji dikategorikan kepada tema-tema yang berhubungkait dan sepunya. Penentuan tema adalah berdasarkan rujukan kepada rujukan yang dibuat melalui tafsir dan kajian kepustakaan,

## Dapatan dan Perbincangan

Kajian ini bertujuan mengenalpasti aspek-aspek kesihatan reproduktif dan seksualiti dalam al-Quran. Kaedah analisis dokumen telah digunakan iaitu daripada Al-Quran sendiri, tafsir dan sumber-sumber kajian kepustakaan. Hasil kajian mendapati terdapat banyak ayat yang berkait dengan aspek kesihatan reproduktif dan seksualiti, samada secara langsung atau tidak langsung membicarakan tentang aspek ini hasil penelitian ayat-ayat dalam surah-surah Al-Quran. Tema-tema utama setelah ayat-ayat ini dianalisis adalah: (1) penciptaan manusia, (2) perkahwinan, (3) hubungan intim suami isteri, (4) kehamilan, (5) pembiakan dan peringkat perkembangan bayi dalam rahim, (6) hak-hak wanita, (7) hak-hak ibu bapa dan anak, (8) seksualiti dan gender, serta (9) isu-isu reproduktif dan seksualiti. Gambaran tema secara keseluruhan adalah sepertimana dalam Jadual Y:

---

<sup>1256</sup> 7Hatta Sidi, Mohamed Hatta Shaharom, Lucky Saputra (2020). Seksualiti Manusia. Kuala Lumpur: Penerbit UKM.

<sup>1257</sup> Husna Husain. (2022). Huraian tema berkaitan ayat-ayat dalam doa di dalam Al-Quran. Al-Abqari Journal of Islamic Social Sciences and Humanities. 27(2022), 145-157.

<b>Tema</b>	<b>Kategori</b>	<b>Surah dan ayat</b>
<b>Penciptaan manusia</b>	Penciptaan Adam daripada tanah	Al-A'raaf, 7: 11 Al-Hijr, 15: 26 Al-Mu'minun, 23: 12 Ar-Rahman, 55: 14
	Matlamat dan tugas di muka bumi	Al-Baqarah, 2: 30-38 Al-A'raaf, 7: 11-25 Al-Hijr, 15: 26
	Pertambahan spesis manusia	An-Nisa', 4: 1 Al-Furqan, 25: 54 As-Shura, 42: 11 Al-Hujurat, 49: 13
<b>Perkahwinan</b>	Fitrah berpasangan	Hud, 11: 40, 71 An-Nahl, 16: 72 Yasin, 36: 36 As-Shura, 42: 11
	Tujuan perkahwinan	An-Nisa', 4: 1 Al-A'raaf, 7: 189 Al-Furqan, 25: 74 Ar-Rum, 30: 21
	Sayang dan kasih antara suami isteri	Al-Furqan, 25: 74 Ar-Rum, 30: 21
	Perempuan-perempuan yang dibenarkan/ dilarang berkahwin dengannya.	Al-Baqarah, 2: 221 An-Nisa', 4: 22-23 Al-Maidah, 5:5 Al-Mu'minun, 23: 6 An-Nur, 24: 3,32 Al-Ahzab, 33: 49-50 Al-Mumtahanah, 60: 10-11 Al-Ma'arij, 70: 30
	Mahar	An-Nisa' 4: 4, 19-21, 24 Al-Maidah, 5: 5
	Nusyuz (isteri/ suami)	An-Nisa', 4: 35 An-Nisa', 4: 128-129
	Perceraian dan 'iddah	Al-Baqarah, 2: 226-240 Al-Ahzab, 33: 49 At-Talaq, 65: 1-6
	Poligami	An-Nisa', 4: 3, 129
	Larangan membujang	Al-Hadid, 57: 27
	Perkahwinan (Nabi Musa a.s.)	Al-Qasas, 28: 27, 29
	Kualiti isteri syurga	Al-Baqarah, 2: 25 'Ali-Imran, 3: 15 An-Nisa', 4: 57 As-Saaffat, 37: 48 Ad-Dukhan, 44: 54 Ar-Rahman, 55: 56, 72 Al-Waqi'ah, 56: 22, 23, 36 At-Tahrim, 66: 5 At-Thur, 52: 21 An-Naba', 78: 33
	Isteri-isteri Nabi Muhammad (SAW)	Al-Ahzab, 33: 6, 28-34, 53,

		59
<b>Hubungan intim suami isteri</b>	Suami isteri sebagai pakaian	Al-Baqarah, 2: 187
	Etika berhubung intim (aurat isteri dalam hubungan intim, larangan semasa Ramadhan, semasa iktikaf, haji, dan haid)	Al-A'raf, 7: 189 Al-Baqarah, 2: 187, 196, 222
	Kebersihan diri dan taharah (mandi janabah, tayamum, kebersihan dan kesucian pakaian)	An-Nisa', 4: 43 Al-Maidah, 5: 6 Al-Muddathir, 74: 4
<b>Kehamilan</b>	Kehamilan dan tempoh masa kehamilan	'Ali-Imran, 3: 6, 35, 37-38 Al-A'raf, 7: 189 Ar-Ra'ad, 13:8 An-Nahl, 16: 78 Al-Hajj, 22: 1,5 Luqman, 31: 14, 34 Al-Fatir, 35, 11 Az-Zumar, 39 Fussilat, 41: 15 Al-Ahqaf, 46: 15 An-Najm, 53: 31 Al-Mursalat, 77: 20
	Ketidaksuburan (faktor penuaan)	'Ali-Imran, 3: 38-40 Hud, 11: 71-72 Al-Hijr, 15: 53-55 Maryam, 19: 5-8 Al-Anbiya', 21: 89-91 As-Saaffat, 37: 112 Adh-Dharyat, 51: 28-29
	Kelahiran tanpa bapa (Nabi Isa a.s.)	'Ali-Imran, 3: 454, 59 An-Nisa', 4: 171 Maryam, 19: 20-26 At-Tahrim, 66: 12
<b>Pembiakan dan peringkat perkembangan bayi dalam rahim</b>	Air mani	Yasin, 36: 77 Ad-Dahr, 76: 2 Al-Mursalat, 77: 20 At-Tariq, 86: 6-7
	Peringkat perkembangan bayi dalam rahim ibu	'Ali-Imran, 3:6 Al-Kahf, 18: 37 Al-Hajj, 22: 5 Al-Mu'minun, 23: 13-14 Ar-Rum, 30: 54 Az-Zumar, 39: 6 Al-Mu'min, 40: 67 Al-Qiyamah, 75: 37-38
<b>Hak-hak wanita</b>	Wanita dan persamaan hak	An-Nisa', 4: 124
	Hak-hak sebagai isteri (pemberian mahar, berbuat baik kepada isteri, timbang tara dalam ketidaksefahaman suami isteri, keadilan dalam berpoligami)	An-Nisa', 4: 24, 35 Al-Baqarah, 2: 236 An-Nisa', 4: 129
	Menyusu dan membesarkan anak	Al-Baqarah, 2: 233

		Al-Qasas, 28: 7, 12-13 Al-Ahqaf, 46: 15
	Perlindungan maruah	An-Nisa', 4: 156 An-Nur, 24: 1-16, 23, 26 Al-Ahzab, 33: 58
	Wanita kematian suami	Al-Baqarah, 2: 240-241 At-Talaq, 65: 1-7
<b>Hak dan tanggungjawab ibu bapa dan anak</b>	Hak-hak ibu bapa	Al-An'am, 6: 151 Al-Isra', 17: 23-24 Maryam, 19: 32 Al-Ankabut, 29: 8 Luqman, 31: 14 Al-Ahqaf, 46: 15
	Hak-hak anak	Al-An'am, 6: 151 Hud, 11: 45 Al-Ahqaf, 46: 15
	Hak-hak anak yatim	An-Nisa', 4: 6, 10, 127 Al-An'am, 6: 152 Al-Isra', 17: 34
	Anak angkat	Al-Ahzab, 33: 4-5
	Pewarisan	An-Nisa', 4: 10-13, 176
<b>Seksualiti dan gender</b>	Penciptaan lelaki dan perempuan dan hubungan persaudaraan	Al-Mu'minin, 23: 27 Al-Faatir, 35: 11 Al-Hujurat, 49: 13 Adh-Dhariyat, 51: 149 An-Najm, 53: 45 Al-Qiyamah, 75: 39 An-Naba', 78: 8 Al-Layl, 92: 3 'Ali-Imran, 3: 195
	Kesaksamaan gender (taqwa, ganjaran dan hukuman, <i>gender bias</i> )	An-Nisa', 4: 124 At-Taubah, 9: 71-72 Ar-Ra'ad, 13: 23 An-Nahl, 16: 97 Al-Ahzab, 33: 35-36 Al-Mu'min, 40: 40 Al-Fath, 48: 4-5 Al-Hadid, 57: 18 An-Nuh, 71: 28 An-Nahl, 16: 58-59 Az-Zukhruf, 43: 16-17
	Etika hubungan lelaki dan perempuan (malu ( <i>haya</i> '), menundukkan pandangan dan tidak berhias)	An-Nur, 24: 30-31, 59 Al-Ahzab, 33: 59 Al-Ma'arij, 70: 29
	Perempuan tauladan (Maryam)	'Ali-Imran, 3: 35
	Perempuan tauladan (Isteri Firaun)	At-Tahrim, 66: 11
	Lelaki tauladan (Nabi Isa)	Maryam, 19: 19-24
<b>Isu-isu reproduktif dan seksualiti</b>	Membunuh bayi (larangan dan contoh pembunuhan bayi oleh kaum terdahulu)	Al-An'am, 6: 151 Hud, 11: 6 Al-Isra', 17: 31 Al-An'am, 6: 137

		Al-Baqarah, 2: 49 Ibrahim, 14: 6 Al-Qasas, 28: 4 Al-Mu'min, 40: 25
	Berzina (larangan, hukuman, doa pencegahan)	Al-Isra', 17: 32 Al-Furqan, 25: 68 An-Nisa', 4: 15-17, 25 An-Nur, 24: 2, 4-5 Al-Ahzab, 33: 58 Yusuf, 12: 23-32, 50-51
	Pornografi (menjaga mata dan kemaluan, hukuman)	Al-An'am, 6: 151 Al-A'raf, 7: 26, 33 Taha, 20: 121 An-Nur, 24: 19 Luqman, 31: 6
	Keganasan (terhadap wanita, isteri, anak)	At-Takwir, 81: 8-9 Ar-Rum, 30: 21 Al-Baqarah, 2: 49, 222
	Seks songsang	Al-A'raf, 7: 80-84 Hud, 11: 77-81 Al-Hijr, 15: 70-74 An-Naml, 27: 54-58 Al-Qamar, 54, 33-34
	Arak dan perkara-perkara memabukkan	Al-Baqarah, 2: 219 An-Nisa', 4: 43 Al-Maidah, 5: 90-91

Daripada jadual di atas, dapat dilihat terdapat kepelbagaian tema tentang aspek berkaitan reproduktif dan seksualiti yang dinyatakan dalam ayat-ayat Al-Quran. Tema-tema yang muncul ada sembilan iaitu: (1) penciptaan manusia, (2) perkahwinan, (3) hubungan intim suami isteri, (4) kehamilan, (5) pembiakan dan peringkat perkembangan bayi dalam rahim, (6) hak-hak wanita, (7) hak-hak ibu bapa dan anak, (8) seksualiti dan gender, serta (9) isu-isu reproduktif dan seksualiti. Tema-tema tersebut samada menyentuh secara langsung tentang reproduktif dan seksualiti ataupun merupakan tema yang secara tidak langsung atau berakibat daripada tema langsung tadi.

Dapat dilihat tema yang daripada analisis ayat-ayat Al-Quran berkaitan aspek reproduktif dan seksualiti adalah selari dengan perkembangan manusia dalam kitaran kehidupannya. Aspek kesihatan reproduktif dan seksualiti bermula dengan penciptaan manusia yang fitrahnya berpasang-pasangan, diikuti dengan perkahwinan, melayari kehidupan sebagai pasangan suami isteri, dan kemudiannya mendapat cahaya mata. Daripada hubungan yang terhasil yakni sebagai suami, isteri, ibu bapa, dan anak, muncul hak dan tanggungjawab yang berkaitan. Selain itu, ayat-ayat al-Quran turut membincangkan kesaksamaan gender yang turut merangkumi hak-hak wanita. Akhir sekali, adalah tema berkisar isu-isu reproduktif dan seksualiti termasuk membunuh bayi, zina, pornografi, keganasan, seks songsang, dan perkara-perkara memabukkan seperti arak.

## **Kesimpulan**

Islam sebagai cara hidup yang syumul telah lengkap memberikan panduan berkaitan aspek reproduktif dan seksualiti sepertimana yang ditemui dalam ayat-ayat Al-Quran. Pengetahuan tentang ilmu kesihatan reproduktif dan seksualiti dengan mengambilkira panduan serta pedoman berasaskan apa yang telah diberikan dalam Al-Quran dapat membantu penyampaian input pendidikan kesihatan reproduktif dan seksualiti individu Muslim. Antara yang boleh mendapat manfaat termasuk anak-anak khususnya remaja, ibu bapa, guru, para kaunselor dan pengamal kesihatan mental, serta ahli masyarakat bagi mengetengahkan kandungan yang terbaik dengan pendekatan yang bersesuaian untuk kesejahteraan dalam kehidupan manusia secara amnya.

## **Penghargaan**

Kertas ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi di bawah geran penyelidikan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)-FRGS/1/2019/SS05/USIM/03/1 bertajuk *Model psiko-pendidikan komunikasi ibubapa-anak pelbagai budaya untuk kesejahteraan seksual remaja*.

## **Rujukan**

- Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). (2023). Definitions. [https://www.who.int/health-topics/sexual-health#tab=tab\\_2](https://www.who.int/health-topics/sexual-health#tab=tab_2)
- Abdullah Nasih Ulwan & Mohd Ikhwan Abdullah (2016) *Tarbiyatul Aulad*. Kuala Lumpur: PTS Publishing House
- Tan, A.J. & Gun, C.H. (2018). Let's talk about sex: Family communication predicting sexual attitude, sexual experience, and safe sex behaviors in Malaysia. *International Journal of Sexual Health*, 30(2), 149-161.
- Hilwa Abdullah & Khuldiah Iman Mohd. Ghazali. (2020). Tahap Kebimbangan dan Cinta Berahi mendorong Ketagihan Seks Dalam Kalangan Mahasiswa Lelaki di Lembah Klang, Malaysia. (ms.89-100). Dalam *Seksualiti Manusia*. (Pnyt. Hatta Sidi, Mohamed Hatta Shaharom, Kucky Saputra). Kuala Lumpur: Penerbit UKM.
- Muhammad, N.A., Tohid, H., Omar, K., Mohd. Amin, R., & Shamsuddin, K. (2017). Gender differences in the influence of family interaction and parenting behaviors on youth sexual intention. *Social Sciences*, 6, 105- 120.
- Muhammad Zahiri Awang Mat. (2010). Konsep dan Objektif Pendidikan Seks Menurut Perspektif Al-Quran. (ms. 85-98) Dalam *Pendidikan Seksual*. Abd. Rahim Abd. Rashid. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Hatta Sidi, Mohamed Hatta Shaharom, Lucky Saputra (2020). *Seksualiti Manusia*. Kuala Lumpur: Penerbit UKM.

Husna Husain. (2022). Huraian tema berkaitan ayat-ayat dalam doa di dalam Al-Quran. *Al-Abqari Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*. 27(2022), 145-157.